

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA TIAP2 BULAN

TAHUN 10. BILANGAN 7. RABU 7 APRIL, 1965. رابو 5 ذوالحجه 1384 PERCHUMA

Selamat Hari Raya Aidil Adzha

ORANG2 TAHANAN DI-BERAKAS MEMBERIKAN IKRAR TA'AT SETIA MEREKA KAPADA D.Y.M.M. MAULANA AL-SULTAN

BANDAR BRUNEI. — Sabelas orang tahanan, anggota2 yang terkemuka dalam gerak penderhakaan di-Brunei pada 8 Disember, 1962 telah memberikan ikrar ta'at setia mereka yang tidak berbelah bagi kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan kerjasama sa-penoh-nya dengan pehak Kerajaan dalam mengembalikan ketenteraman politik di-dalam Negeri Brunei.

Dalam sa-puchok surat kapada Menteri Besar Brunei yang di-umumkan pada 24 Mach, 1965, mereka berkata bahawa surat itu membuktikan kebimbangan mereka terhadap negeri ini terlibat dalam kegiatan2 bersenjata di-sepanjang perbatasan sempadan Sarawak-Sabah dan Indonesia juga tentang ancaman Indonesia yang di-lancarkan ke-atas negara Malaysia dalam konferantasi-nya itu.

Sabelas orang tahanan itu ialah Awang Mesir bin Awang Kerudin; Awang Mohamed Yassin bin Awang A. Rahman; Awang Osman bin Awang Latiff; Awang Momin bin Awang Ahmad; Awang Zaini bin Haji Ahmad; Awang Abdullah bin Awang Jahfar, Awang Haji Garip bin Dato Haji Manggol; Awang Abdul Hamid bin Awang Muhammad; Awang Jais bin

Awang Haji Karim; Awang Lalim bin Haji Seruddin dan Awang Sheikh Salleh bin Sheikh Mahmud.

Mereka tersebut ada-lah diantara 189 orang yang berada dalam tahanan di-Khemah Tahanan Berakas.

Semua-nya itu ada-lah bekas Ahli2 Majlis2 Mashuarat Daerah, Negeri dan Kerajaan

(Lihat Muka 4)

KEPUTUSAN BRUNEI TIDAK MENYERTAI MALAYSIA ADALAH MUKTAMAD

Bagaimana Pun Brunei Bersimpati Terhadap Malaysia Dlm Perjuangan-nya Menentang Konferantasi Indonesia

BANDAR BRUNEI. — Keputusan Brunei tidak menyertai Malaysia ada-lah muktamad. Bagaimana pun, negeri ini ada-lah bersimpati terhadap Malaysia dalam perjuangan-nya menentang konferantasi Indonesia. Demikian titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.


Baginda telah bertitah sa-demikian dalam satu temu ramah dengan sa-orang wartawan dari luar negeri baharu2 ini.

Dalam temu ramah itu, Baginda bertitah bahawa Baginda berchadang supaya perhubungan yang rapat di-antara negeri ini

dan Malaysia mesti-lah di-adakan dan ini akan mengeratkan lagi dari satu masa ka-satu masa.

Perkara yang baik sekali, titah Baginda, ia-lah bahawa perhubungan terus di-adakan sa-chara berasingan, tetapi mesra.

(Lihat Muka 4)



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah merasmikan Pembukaan Pertunjukan Gambar2 dan Poster2 berkenaan dengan chara2 penghidupan di-Persekutuan Republik Jerman, bertempat di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada malam 18 Mach, 1965. Dalam gambar ini kelihatan Baginda sedang melihat gambar2 pertunjukan tersebut sa-lepas Baginda merasmikan pembukaan pertunjukan itu. Di-kanan sekali ia-lah Konsol-Jeneral Persekutuan Republik Jerman di-Singapura, Herr Detley Scheel dan di-tengah ia-lah Awang Isa bin Dato Haji Ibrahim.

Sembahyang Hari Raya Haji

BANDAR BRUNEI. — Umat Islam di-Negeri Brunei akan menyambut Hari Raya Haji pada hari Isnin 12 April, 1965.

Sembahyang Hari Raya Haji akan di-adakan beramai2 di-Padang Besar Bandar Brunei mulai pada pukul 7.15 pagi hari tersebut.

Kaum Ibu ada-lah di-persilakan untuk Bersembahyang Hari

Raya Haji di-Padang tersebut dan tempat yang khas akan disediakan kapada mereka.

Menurut penerangan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin, sa-kira-nya hujan turun dengan lebat-nya pada malam 11 April, maka Sembahyang Hari Raya Haji akan di-adakan di-Masjid Omar Ali Saifuddin.

Y.B. AWANG HAJI JAMIL BERKATA: DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BRUNEI AKAN BERUSAHA UNTUK MENGEMBANGKAN DAN MENINGGIKAN BAHASA MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar berkata bahawa satu daripada tujuan2 dasar Dewan Bahasa dan Pustaka ia-lah "Menggalakkan orang yang berkebolehan dalam mempelajari Bahasa Melayu" dan "Berusaha dan berikhtiar untuk memperkembangkan dan meninggikan Bahasa Melayu".

Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil telah berkata sa-demikian ketika memberi ucapan sa-belum beliau menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam Peraduan2 Chermen dan Sajak anjoran Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei di Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei baharu2 ini.

Yang Berhormat Awang Haji Jamil ia-lah juga Penasehat Persatuan ASTERAWANI.

Selanjut-nya beliau berkata, "Oleh yang demikian, maka pehak Dewan Bahasa dan Pustaka akan berusaha bersungguh2 untuk menchapai maksud tujuan dasar itu.

Rupa-nya pehak Persatuan Asterawani juga mempunyai matalamat yang sama - Awang2 dan Dayang2 sekalian juga mempunyai pendapat yang sama - sa-bagaimana yang terbukti hari ini dan pada masa yang lalu, pehak Persatuan ini sangat2 mengambil berat di-atas kemajuan perkembangan Bahasa Melayu.

Dari itu, sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan selamat maju jaya di-atas usaha baik itu".

Kemudian Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil berkata, "Saya suka menerangkan kepada Awang2 dan Dayang2 bahawa cherita2 pendek memang mengambil peranan penting dalam pembentokan masyarakat yang sesuai bagi bangsa kita yang berdasarkan Kebudayaan dan Ugama. Kerana, cherita2 pendek itu mempunyai pengaruh dan dapat mengunjongi jiwa masyarakat itu.

Ini akan menjadikan masyarakat itu berubah mengikut chorak pengaruh yang di-terimanya itu dengan tidak di-sadari oleh masyarakat.

Kalau bentuk cherita pendek itu mempunyai unsur pendidikan yang bernilai dan bersesuaian dengan ajaran Ugama Islam, maka ia akan mendatangkan faedah kepada masyarakat kita dan begitu juga sa-balek-nya.

Di-segi bahasa pula cherita2 pendek akan mengambil peranan penting juga untuk menggubah bahasa yang menarek dan susun-

an kata2 yang berirama menjadikan masyarakat kita menggunakan kata2 yang bernilai. Dengan ini akan meninggikan taraf nilai bangsa kita, kerana ukoran nilai sesuatu bangsa itu dapat di-lihat dari tinggi rendah kata2 yang digunakan oleh masyarakat bangsa itu sa-hari2.

Awang2 dan Dayang2 barangkali pernah mendengar bahawa bahasa Peranchis termashhor di-Eropah dan seluruh Dunia kerana irama dan lemak manis susunan kata2 yang di-gubah oleh pengarang2-nya yang bijak, sa-hingga bahasa itu menjadi bahasa pujaan2.

Kita berharap semoga dengan kebijaksanaan penulis2 chermen kita, bahasa Melayu, bahasa ibunda kita akan mempunyai nilai yang tinggi dari satu masa ka-satu masa dan kata2 yang akan di-gubah mereka sesuai dengan masyarakat bangsa kita.

Ini bukan hanya kita mengharapkan bahasa ibunda akan menjadi pujaan tetapi akan menjadikan masyarakat bangsa kita satu masyarakat yang sama darjat dengan masyarakat bangsa lain di-dunia ini.

Mengenai sajak pula tidak kurang penting-nya dan chermen. Sajak boleh mempengaruhi jiwa manusia untuk mengikut maksud pengarang-nya. Kalau pengarang sajak itu dapat menggubah kata2 yang sesuai dengan jiwa pembacha-nya sajak itu akan lebeh berkesan.

Sajak itu boleh-lah saya katakan sa-umpama satu saloran ghaib yang menghubungkan perasaan hati penulis-nya dengan pembacha-nya. Jika sajak yang di-tulis itu dapat memindahkan perasaan yang ada di-dalam sanubari penulis itu kepada pembacha-nya maka bererti sajak itu telah dapat menghubungkan di-antara sanubari penulis dengan pembacha-nya.

Jelas dan kabor-nya gambaran yang di-terima oleh pembacha itu tergantong-lah kepada kebijaksanaan penulis menyusun kata2-nya dan ketinggian pengertian pembacha itu. Akan tetapi kesan yang akan timbul di-dalam jiwa pembacha itu ada-lah semata2 terbit dari kepandaian penulis menchipta sajak-nya.

Walau bagaimana pun, peraduan chermen dan sajak yang di-anjorkan oleh Persatuan Asterawani ini adalah merupakan satu derma bakti kepada negara untuk menggalakkan penulis2 berkechimpong dengan pena-nya, menyusun kata2 sakti untuk di-sumbangkan kepada bangsa dan negara supaya jiwa bangsa kita yang telah di-hadapi oleh penyakit lemah lunglai itu akan menjadi subur dan mekar dan masyarakat kita akan menjadi terator.

Akhir-nya saya mengucapkan tahniah kepada pemenang2 yang

telah berjaya di-dalam peraduan chermen dan sajak ini dan berharap supaya mereka bertambah giat lagi mendalami ilmu pengetahuan yang berdasarkan Ilmiah Sa-jagat untuk di-hidangkan kepada masyarakat bangsa kita.

Bagi yang belum berjaya harap jangan putus asa chuba lagi dan siasat di-mana kesalahan supaya dapat di-baiki. Dengan demikian kemajuan kita dapat di-cheptakan.

Demikian-lah ucapan yang dapat saya sumbangkan hari ini. Sa-kali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Asterawani atas penghormatan mereka pada saya memberi peluang beruchap dan menyampaikan hadiah di-majlis ini.

Saya berdo'a kepada Ilahi semoga Persatuan ini berjaya dalam segala lapangan kebajikan dan berkhidmat terus untuk masyarakat dan bangsa."



Y.B. Awang Haji Md. Jamil

SHARIKAT2 PERNIAGAAN TEMPATAN MENYOKONG PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DI-SEGALA LAPANGAN

BANDAR BRUNEI. — Satu perjumpaan di-antara beberapa orang wakil2 sharikat2 perniagaan dan bank2 di-Bandar Brunei dengan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil telah di-adakan di-Pejabat Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei pada petang 1 April.

Dalam perjumpaan tersebut, wakil2 itu telah memberi pengakuan dan berikrar dengan sapenoh-nya untuk menggunakan Bahasa Melayu di-segala lapangan perniagaan mereka.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil telah memberi penerangan dengan panjang-lebar berkenaan dengan pemakaian Bahasa Melayu yang menjadi Bahasa Rasmi negeri ini menurut sabagai mana yang terkandung dalam Perlembagaan Negeri Brunei.

Beliau juga telah meminta sokongan daripada perwakilan itu agar-nya mereka menggunakan Bahasa Melayu dalam urusan perniagaan mereka seperti di-kepala surat, papan nama, iklan, chek2 bank dan sebagai-nya.

Para perwakilan itu juga bersedia bekerjasama dengan Kerajaan bagi melaksanakan maksud Kerajaan menjadikan Bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Rasmi negeri ini.



Satu upacara perbarisan tamat lathan 29 orang rekrut2 baharu Askar Melayu Brunei telah di-adakan pada pagi 6 Mach. 1965. Dalam gambar ini kelihatan Pegawai Pemerintah Askar Melayu Brunei, Lieutenant Colonel D.M. Fletcher sewaktu beliau memeriksa perbarisan tersebut. Gambar dengan ehsan Askar Melayu Brunei.

"KEMAJUAN SA-SABUAH SEKOLAH TERLETAK DI-ATAS KEBIJAKSANAAN GURU BESAR SEKOLAH ITU"

- Kata Awang Ali Bin Awang Besar.

SENGKURONG.—Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Ali bin Awang Besar telah merasmikan pembukaan Perjumpaan Guru2 Bahagian Brunei Dua bertempat di-Sekolah Melayu Sengkurong pada pagi hari Ahad 28 Mach, 1965.

Seramai 42 orang para peserta telah mengambil bahagian dalam perjumpaan tersebut.

Perjumpaan itu di-mulai dengan satu lawatan oleh para peserta ka-Pusat Pertanian Kilanas. Kemudian telah di-adakan Majlis Merasmikan Perjumpaan tersebut.

Dalam ucapan Awang Ali bin Awang Besar sa-belum beliau merasmikan pembukaan Perjumpaan tersebut beliau berkata bahawa kemajuan sa-sabuaah sekolah itu ada-lah terletak di atas kebijaksanaan dan pentadbiran sa-saorang Guru Besar itu menjalankan tanggung-jawabnya sa-bagai Guru Besar.

"Tidak-lah salah kalau saya katakan Guru2 Besar di-dalam sa-buah sekolah itu sa-bagai SENDI KEMAJUAN yang memainkan peranan yang penting bagi memajukan sa-buah sekolah yang mana akan memberikan arahan kepada guru2 yang dibawahnya dalam menyampaikan apa jua jenis2 pelajaran, pengetahuan dan pekerjaan yang akan di-ajarkan kepada murid2-nya", kata beliau.

Selanjut-nya Awang Ali menegaskan, "Di-zaman serta moden ini tiap2 sa-saorang manusia perlu di-beri pelajaran, lebeh2 lagi di-negeri kita ini sangat2 jauh ketinggalan berhubung dengan pelajaran.

Oleh itu, kemajuan negeri kita ini ada-lah terletak di-tangan Guru2. Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan akan sentiasa memberikan peluang belajar kepada sa-tiap anak negeri dari rendah2-nya sehingga ka-pelajaran yang lebeh tinggi.

Bukti-nya yang nyata, banyak sekolah2 telah di-dirikan sehingga jauh kependalaman, tidak-lah lain dan tidak bukan tujuan Kerajaan sa-mata2 memberi pelajaran kepada anak negeri ini.

Awang Ali seterusnya telah meminta kepada Guru2 Besar supaya mereka berdamping rapat dengan ibu-bapa murid2 demi untuk kemajuan sekolah mereka sekalian.

Beliau berharap sa-moga perjumpaan Guru2 Besar dan Guru2 Penolong Kanan dari Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Dua pada hari

tersebut akan beroleh kejayaan dan memberikan kesan yang baik dari cheramah2 dan dari perbincangan2 yang di-adakan di-perjumpaan itu demi untuk kemajuan sekolah masing2.

Awang Ali juga berharap agar-nya Guru2 yang menghadiri perjumpaan tersebut akan berusaha menambahkan ilmu pengetahuan mereka — bukan sahaja untuk pengajaran, bahkan juga untuk menambahkan taraf hidup Guru2 itu.

Beliau telah mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Majlis perjumpaan tersebut, Chegu Awang Masri bin Dato Haji Mohamed Yusof kerana sudi menjemput beliau untuk merasmikan perjumpaan itu.

Kemudian beliau pun merasmikan pembukaan perjumpaan tersebut dengan berkata, "Saya dengan izin Allah membuka dengan rasmi perjumpaan Guru2 Besar dan Guru2 Penolong Kanan Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Dua ini".

Sa-belum Awang Ali merasmikan pembukaan perjumpaan tersebut satu ucapan telah di-lafadzkan oleh Pengerusi Perjumpaan itu, Chegu Awang Masri bin Dato Haji Mohd. Yusof, Guru Besar Sekolah Melayu Sengkurong.



Awang Ali bin Awang Besar

Chegu Masri telah mengucapkan beranyak2 terima kasih atas kesediaan Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Ali bin Awang Besar hadir di-majlis itu untuk merasmikan perjumpaan itu.

Majlis pembukaan perjumpaan tersebut di-akhiri dengan bacaan Do'a Selamat oleh Chegu Awang Haji Abdul Hamid bin Ya'akub, Guru Besar Sekolah Melayu Lumapas.

SHARAHAN UGAMA ISLAM

BANDAR BRUNEI. — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Brunei akan melawat ka-tempat2 yang di-bawah ini pada tarikh dan masa berikut untuk memberi sharahan berkenaan dengan Ugama Islam:

Hari Juma'at, 9 April: (a) 11 pagi ka-12-30 tengah hari di-Masjid Pekan Tutong.

Hari Juma'at, 9 April: (b) 2 petang ka-4 petang di-Kampung Saba Darat, Brunei.

Hari Juma'at, 16 April: (a) 11 pagi ka-12-30 tengah hari di-Masjid Penanjong, Tutong.

Hari Juma'at, 16 April: (b) 11 pagi ka-12-30 tengah hari di-Masjid Kampung Bokok, Temburong

P.P.H.E. Ugama Brunei Berangkat Ka-Malaya

BERAKAS.—Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin, dengan di-iringi oleh beberapa orang Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei telah berangkat ka-Singapura dengan kapal terbang pada petang 22 Mach, 1965.

Tujuan keberangkatan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin kasana ia-lah untuk bertemu-duga dengan orang2 yang telah membuat permohonan hendak bekerja dengan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Dari Singapura, beliau telah melawat ka-beberapa tempat di-Malaya.

Majlis Menyampaikan Sijil Penubohan Palang Merah

TUTONG. — Satu upacara menyampaikan Sijil Penubohan Palang Merah kepada Pasokan Palang Merah Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong telah di-adakan di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim pada pagi 19 Mach, 1965.

Sijil itu telah di-sampaikan kepada Pasokan Palang Merah tersebut oleh Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Sa-belum menyampaikan Sijil Penubohan Palang Merah kepada Pasokan Palang Merah Sekolah Melayu Muda Hashim, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof telah mengucapkan beranyak2 terima kasih kepada Pasokan Palang Merah itu yang telah menjemput beliau ka-majlis tersebut dan juga untuk menyampaikan Sijil Penubohan Palang Merah itu.

Dalam ucapan beliau, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof menegaskan bahawa Mutu Palang Merah ia-lah berkhidmat untuk orang ramai, bukan sahaja untuk orang2 yang kita kenal — bahkan untuk musuh kita sekalipun.

Oleh itu, beliau telah menasihatkan kepada anggota2 Pa-

sokan Palang Merah Sekolah Melayu Muda Hashim supaya mereka mempunyai "semangat yang ikhlas" untuk menolong orang ramai yang berkehendak pertolongan pada sa-tiap masa.

Beliau juga telah mengucapkan shabash dan tahniah kepada penaja Pasokan Palang Merah itu, sambil berharap agar-nya Pasokan Palang Merah itu akan terus berjaya dan berkhidmat untuk masyarakat pada sa-tiap masa.

Terlebeh dahulu Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof telah memeriksa Barisan Kehormatan Pasokan Palang Merah tersebut.

Ucapan2 telah juga di-lafadzkan di-majlis itu oleh Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Tutong, Awang Mohamed Daud Serudin; Pengarah Palang Merah Negeri Brunei, Awang Palani-andy dan oleh Guru Palang Merah pasokan tersebut Chegu Mohamed Nor Saleh.

Penasehat Pelanchong P.B.B. Melawat Brunei

BANDAR BRUNEI.—Awang Nelson Chiang, sa-orang Penasehat Pelanchong Pertubuhan Bangsa2 Bersatu telah melawat ka-Negeri Brunei baharu2 ini.

Tujuan lawatan beliau ka-negeri ini ia-lah atas jemputan Kerajaan Brunei untuk menasehatkan Kerajaan berkenaan dengan hal-ehwal yang bersangkutan dengan masalah pelanchongan.

Dalam satu pertemuan dengan Awang Nelson Chiang beliau berkata bahawa Negeri Brunei mempunyai harapan yang baik untuk menggalakkan ramai

pelanchong2 dari luar negeri melawat ka-negeri ini.

Beliau telah memujikan keindahan Istana Darul Hana, Masjid Omar Ali Saifuddin, Kampong Ayer dan lain2 tempat yang indah di-negeri ini.

"Saya telah datang ka-negeri ini sa-bagai sa-orang Pelanchong kerana dengan hal ini, dapatlah saya mempelajari chara2 bagaimana hendak menambahkan kemajuan pelanchongan di-negeri ini", kata-nya sambil menegaskan bahawa kalau di-izinkan, beliau akan melawat ka-negeri ini pada masa akan datang kelak.

Orang2 Tahanan Berikrar Ta'at Setia Kapada D.Y.M.M.

(Dari Muka 1)

kechuali Awang Sheikh Salleh bin Sheikh Mahmud.

Surat tersebut, kata orang2 tahanan itu telah di-tulis sa-chara perasaan yang tulus ikhlas dan tidak-lah di-pengaruhi oleh sesiapa jua pun.

Selain dari ikrar ta'at setia yang tidak berbelah bagi kapada Baginda dan kerjasama sa-penohnya kapada Kerajaan, mereka juga menentang sebarang anasir asing, sebarang persaoangan atau pemimpin2 yang chuba dan berusaha mencheborkan Negeri Brunei ka-dalam lengkungan pengaruhi politik Indonesia.

Dalam surat tersebut, mereka juga tidak lagi mengiktiraf A. M. Azahari dan bekas pemimpin2 Partai Ra'ayat Brunei yang sekarang ini berada di-luar negeri.

Mereka juga berkata bahawa mereka sedia menentang penerusan perjuangan 8 Disember, 1962 kerana mereka telah menyedari bahawa tindakan sa-chara kekerasan itu, bukan-lah satu2-nya jalan yang boleh menjayakan sesuatu yang di-chita2kan.

Orang2 tahanan itu juga berkata bahawa mereka memberikan ikrar menyokong dan kerjasama kapada Kerajaan Baginda dalam usaha untuk mendapatkan kemerdekaan negeri ini dalam Komonwealth.

Mengenai da'waan Indonesia bahawa ia-nya menyokong setiap perjuangan ra'ayat yang anti-penjajahan, mereka berkata bahawa Indonesia hanya menggunakan peristiwa 8 Disember itu sa-bagai bahan diayah mereka. Pada hal, wilayah Sarawak dan Sabah telah pun mencapai kemerdekaan-nya menerusi Malaysia.

Ra'ayat Brunei, Sabah dan Sarawak, kata-nya, telah berulang kali menyatakan penolakan-nya terhadap champor tangan Indo-

nesia dan enggan menerima bantuan sa-chara tentera mahu pun kebendaan.

Sa-orang Pegawai Indonesia dalam kenyataan-nya berkata bahawa ra'ayat di-Kalimantan Utara ingin hidup berdamping bahu dengan ra'ayat Indonesia, ada-lah sama sekali tidak berasas.

Mereka menyatakan bahawa champor tangan Indonesia di-kawasan sempadan Malaysia itu dapat-lah di-ertikan sa-bagai dasar peluasan daerah dan walaupun belum di-lihat ada-nya bukti2 bahawa pengganas Indonesia mencheborkan perbatasan Negeri Brunei namun telah di-lihat bahaya2 Konferansi dan kegiatan2 bersenjata Indonesia.

Surat tersebut berkata lagi bahawa selagi Indonesia menerus dasar konferansi, propaganda dan kegiatan2 bersenjata-nya di-sepanjang perbatasan, maka selama itu-lah keselamatan dan keamanan daerah itu akan terus terancam.

Mereka kemudian-nya menyatakan persediaan mereka untuk memberikan perkhidmatan dan kerjasama atas usol Kerajaan memberikan penerangan2 kapada ra'ayat yang berupa nasehat, agar mereka menumpukan ta'at setia yang tidak berbelah bagi kapada Baginda dan negara; memberikan keyakinan kapada ra'ayat atas faham menuntut sesuatu chita2 seperti kemerdekaan negeri, menerusi perundingan sa-chara damai.

Mereka juga telah menandatangani kapada Kerajaan supaya di-adakan satu persidangan antara pertubohan2 politik di-Malaysia Timor, ia-itu negara2 Malaysia di-Borneo dan Brunei untuk menghadapi propaganda Indonesia dan menghantarkan satu rombongan pemimpin2 ka-luar negeri bagi menghapuskan gambaran politik dan propaganda palsu Indonesia.

Brunei Tidak Menyertai Malaysia

(Dari Muka 1)

Brunei titah Baginda, akan terus menggunakan mata wang Malaysia, kechuali kira-nya terdapat perubahan dalam perjanjian antara Malaysia dan Brunei.

Ketika menjawab terhadap so'alan tentang berita2 bahawa beberapa orang chalun yang ter-

pilih sa-bagai Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri dalam Pilehan Raya baharu2 ini ada-lah bekas anggota2 Partai Ra'ayat Brunei yang telah di-haramkan itu, Baginda bertitah bahawa Baginda kenal salah sa-orang daripadanya.

Pegawai2 Baharu "Patuh"

KG. SUNGAI KEBUN.—Persatuan Angkatan Tunas Harapan (PATUH) telah mengadakan Mashuarat Agong-nya bertempat di-Sekolah Melayu Sungai Kebun, Kampong Ayer, Brunei sedikit hari dahulu.

Pegawai2 baharu PATUH untuk tahun 1965 yang telah dilantik dalam Mashuarat Agong tersebut ada-lah seperti berikut:

Pengerusi Tetap (lantekan baharu) - Awang Sulaiman Abdul Wahab. Yang Dipertua - Pengiran Tuah bin Pengiran Md. Daud (lantekan sa-mula). Timbalan Yang Dipertua (Perubahan) - Awangku Yaacob Pengiran Mohamed.

Setia Usaha Agong - Awang Abdul Rahman Wahab (lantekan sa-mula). Setia Usaha I (lantekan baharu) - Awangku Duraman Pengiran Baha. Setia Usaha II (lantekan baharu) - Pengiran Abdul Rahman Pengiran Ahmad. Bendahari Kehormat - Pengiran Sulaiman Pengiran Buntar (lantekan sa-mula). Pemeriksa Kira2 Kehormat - Awangku Chuchu Pengiran Ahmad.

Setia Usaha Penerangan - Awang Duming Wahab (lantekan sa-mula). Setia Usaha Kesenian, Kebudayaan dan Persuratan - Awangku Othman Pengiran Ismail. Setia Usaha Sokan - Awangku Othman Pengiran Damit. Setia Usaha Rumah Persatuan (lantekan baharu) - Awangku Othman Pengiran Mohamad. Setia Usaha Kebajikan -

Awangku Sabudin Pengiran Saifudin. Setia Usaha Peranchang (lantekan baharu) - Awang Tahir Wahab.

Ahli2 Jawatan Kuasa Pembantu - Dayang Aini Munchit, Dayang Maisalamah Sharbini, Dayang Aminah Ahmad, Dayangku Iring Pengiran Md. Said, Awangku Md. Yasin Pengiran Haji Randah dan Awangku Bakar Pengiran Mohamed.

Majlis tersebut telah bersetuju untuk menghantarkan seramai tujuh orang Wakil2 PATUH untuk menghadiri Kursus Pemimpin2 Belia yang akan di-adakan di-Maktab Anthony Abell, Seria dalam bulan Mei akan datang.

PATUH juga telah bersetuju di-antara lain2 perkara dalam mashuarat tersebut untuk membena rumah persatuan. — Berita kiriman Awang Duming Wahab.

Pegawai2 A.M.B. Berlateh Di-U.K.

BERAKAS.—Sarjan Awangku Abdul Rahman bin Pengiran Abdul Wahab dan Kopral Awangku Mashor bin Pengiran Anak Kamis telah berangkat dengan kapal terbang dari Brunei ke-Singapura dalam perjalanan mereka ka-United Kingdom pada petang 1 April, 1965.

Sarjan Awangku Abdul Rahman dan Kopral Awangku Mashor akan menghadiri Kursus Tentera di-United Kingdom selama tiga bulan.

Waktu2 Sembahyang, Amsak Dan Mata - Hari Terbit

Waktu2 sembahyang, amsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 7 April hingga ka-hari Selasa 20 April, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Amsak	Suboh	Terbit	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
	7	4.47	5.01	6.16	12.29	3.44	6.33	7.45
	8	4.47	5.01	6.16	12.28	3.43	6.32	7.44
	9	4.46	5.00	6.15	12.28	3.43	6.32	7.44
	10	4.46	5.00	6.15	12.28	3.43	6.32	7.44
	11	4.46	5.00	6.15	12.28	3.43	6.32	7.44
	12	4.46	5.00	6.15	12.28	3.43	6.32	7.44
	13	4.45	4.59	6.14	12.27	3.42	6.32	7.44
	14	4.45	4.59	6.13	12.27	3.42	6.32	7.44
	15	4.45	4.59	6.13	12.27	3.42	6.32	7.44
	16	4.45	4.59	6.13	12.26	3.41	6.31	7.43
	17	4.44	4.48	6.12	12.26	3.41	6.31	7.43
	18	4.44	4.58	6.12	12.26	3.41	6.31	7.43
	19	4.44	4.58	6.12	12.26	3.41	6.31	7.43
	20	4.44	4.58	6.12	12.26	3.41	6.31	7.43

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



Hujan lebat baharu2 ini telah menyebabkan berlaku banjir di-beberapa tempat di-Negeri Brunei. Dalam gambar ini kelihatan satu pemandangan di-Jalan Tutong pada masa berlaku banjir tersebut. Dapat-kah pembaca meneka berapa kaki tinggi-nya ayer banjir itu dalam gambar ini? — Gambar dengan ehsan Awang Haji Ahim bin Haji Ibrahim.

Rombongan "Doktor Penerbangan" Melawat Ka-Kawasan2 Pendalaman

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Perubatan dan Kesihatan Brunei telah melancarkan satu perkhidmatan penerbangan baharu2 Negeri Brunei dan memberi pertolongan perubatan kepada penduduk2 di-kampung2 itu serta penduduk2 yang tinggal berdekatan dengan kampung2 itu.

Berhubung dengan usaha tersebut, Jabatan Perubatan dan Kesihatan telah menyewa kapal terbang jenis helikopter dari Perusahaan World Wide Helicopters.

Dalam tiap2 penerbangan, helikopter itu membawa sa-orang Doktor dan beberapa orang anggota2 dari Jabatan tersebut dan lengkap dengan ubat2 dan sebagainya.

Buat permulaan rombongan perubatan tersebut telah melawat ka-tempat2 pendalaman di-Ulu Tutong.

Rombongan itu akan melawat ka-Tanjong Maya pada 7 April, Layong pada 10 April dan Ukong pada 14 April.

Kemudian rombongan itu akan melawat ka-tempat2 di-Tembu-

rong, seperti Labu, Batu Apoi, Sekurop, Amo, Batang Duri, Lepong, Biang Estate, Bokok dan Bangar.

Satelah selesai lawatan tersebut rombongan perubatan itu akan melawat ka-tempat2 di-Ulu Belait pula. Demikian kata Pegawai Perubatan Negara, Brunei Doktor P. I. Franks.

Gambar ini di-ambil di-Padang Besar Bandar Brunei baharu2 ini sa-belum helikopter yang membawa Rombongan "Doktor Penerbangan", terbang ka-Ulu Tutong. Berdiri di-kiri sekali ia-lah Pegawai Perubatan Negara Brunei, Doktor P. I. Franks.



Pengarah Dewan Bahasa Balek Dari Sarawak

BERAKAS. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar telah kembali ka-Brunei dari Kuching, Sarawak dengan kapal terbang pada tengah hari 21 Mach, 1965.

Beliau telah berangkat ka-Kuching pada 16 Mach untuk menyelideki hal ehwal persuratan2 lama yang bersangkut paut dengan Negeri Brunei.

Selama di-Kuching, Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil telah melawat ka-Museum Sarawak untuk menyelideki perkara tersebut.

Satu pemandangan pengundi2 di-sa-buah tempat Membuang Undi Pilihan Raya di-Negeri Brunei baharu2 ini.



Keputusan Peraduan Kesihatan Kanak2

BANDAR BRUNEI. — Satu peraduan kesihatan kanak2 di-bawah anjoran Pertubuhan Perumpulan Perempuan Negeri Brunei telah di-adakan di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah Bandar Brunei pada hari Juma'at 19 Mach 1965.

Hadiah2 kepada kanak2 yang berjaya telah di-sampaikan oleh Yang Mulia Datin Hajjah Nahriah ia-itu isteri Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud.

Keputusan peraduan tersebut ada-lah seperti berikut:

Bahagian Kanak2 yang berumur 6 bulan ka- 11 bulan: Pertama - Chuwai Kiong. Kedua - Philis Ha dan Ketiga - Gerard Patrick Giffening.

Bahagian Kanak2 yang berumur dari 11 bulan ka-18 bulan: Pertama - Neng Laila binte Ahmad. Kedua - Musnah Damit dan Ketiga - Simon Wu.



PERLUMBAAN KERETA:

GADONG. — J. A. Law-Wright, sa-orang Pegawai Sharikat Minyak Shell Seria telah memenangi gelaran sa-bagai "pemandu kereta bahagian lelaki yang laju sekali" di-temasha Perlumbaan Kereta yang telah di-adakan di-Jalan Gadong di-bawah anjoran Klab Motor Negeri Brunei pada hari Ahad 28 Mach, 1965.

Dengan kemenangan-nya itu, Law-Wright telah berhasil memperoleh Piala Perak kurniaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin. Baginda telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya di-temasha tersebut.

Di-antara para hadirin di-temasha itu ialah Timbalan Sultan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemanha; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara; Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Ali bin Awang Besar dan lain2-nya.

Semua-nya 16 orang peserta2 telah mengambil bahagian di-temasha tersebut. Di-antara-nya ia-lah dua pasangan suami-isteri, ia-itu J. A. Law-Wright dan isteri-nya serta Awang Abdul Rahman bin Rahmat dan isteri-nya.

Selain dari Awang Abdul Rahman dan isteri-nya, orang2 Melayu yang telah mengambil bahagian di-temasha tersebut ia-lah: —

Awangku Idris bin Pengiran Kerma Indra Haji Muhammad, Awang Abdul Jalil bin Dato Seri Paduka Marsal, Inspektor Awang

Zainuddin bin Dato Seri Paduka Marsal, Inspektor Awangku Omar bin Pengiran Haji Apong dan Awang Mustapha Shawal.

Perlumbaan itu di-adakan sa-jauh satu batu. Tiap2 pemandu kereta di-kehendaki memandu kereta sa-banyak tiga kali, ia-itu sa-baik sahaja semua peserta2 telah berlumba dalam perlumbaan kali yang pertama mereka telah memandu kereta mereka balek ka-tempat permulaan dan dari tempat permulaan itu pula sa-orang demi sa-orang telah memandu kereta ka-tempat penghabisan dan sa-terus-nya.

Keputusan perlumbaan kereta tersebut ada-lah seperti berikut:

PEMENANG PIALA PERAK KURNIAAN DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA MAULANA AL-SULTAN: J. A. Law-Wright. Beliau telah memandu Kereta Spot Triumph 4. Masa-nya: Perlumbaan Kali Pertama - 51.4 sa'at. Perlumbaan Kali Kedua - 49.8 sa'at dan Perlumbaan Kali Ketiga - 49 sa'at.

BAHAGIAN HANDIKAP

Pertama: K. M. Watson. Beliau memandu Kereta Mini Minor. Kedua - Inspektor Awangku Omar bin Pengiran Haji Apong. Beliau memandu Kereta Spot Jenis Spitfire. Ketiga - Awang Abdul Jalil bin Dato Seri Paduka Marsal. Beliau memandu Kereta Spot jenis Spitfire.

LAW-WRIGHT MENDAPAT PIALA PERAK KURNIAAN D. Y. M. M.

PEMENANG HADIAH UNTUK

PEMANDU KERETA BAHAGIAN WANITA YANG LAJU SEKALI: Isteri Law-Wright. Ia telah memandu Kereta Spot jenis Triumph 4 dan masa-nya ia-lah: Perlumbaan Kali Pertama - 58.5 sa'at. Perlumbaan Kali Kedua - 57.2 sa'at dan Perlumbaan Kali Ketiga - 56.6 sa'at.

Sa-belum Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-jemput untuk mengurniakan hadiah tersebut, Yang Dipertua Klab Motor Negeri Brunei, Awang J. R. Elton telah mengucapkan sa-tinggi2 terima kasih atas kesudian Duli Yang Maha Mulia berchemar Duli ka-temasha tersebut dan juga terhadap Piala Perak yang Baginda telah kurniakan.

Klab Motor Negeri Brunei, kata Awang Elton, juga mengucapkan terima kasih dan berasa amat bangga terhadap kegemaran Baginda dalam hal ehwal yang bersangkutan paut dengan perlumbaan kereta di-negeri ini.

Bagi pehak Klab Motor Negeri Brunei, Awang Elton telah meminta keizinan agar-nya Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan sudi menjadi Ahli Kehormat Klab Motor Negeri Brunei selama sa-umur hidup Baginda.

Kemudian beliau telah menyampaikan sa-buah chenderamata kepada Kabawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan sa-terus-nya menjemput Baginda untuk mengurniakan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya di-temasha tersebut.

Pegawai2 Baharu Persatuan Pengakap Daerah Brunei

BANDAR BRUNEL. — Persatuan Pengakap Daerah Brunei telah mengadakan Mashuarat Agong-nya di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 27 Mach, 1965.

Pegawai2 baharu Persatuan Pengakap Daerah Brunei yang telah di-lantek dalam mashuarat tersebut ada-lah seperti berikut:

Yang Dipertua - Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud.

Pengerusi - Awang N. Bradbury. Naib Pengerusi - Awang Talib bin Darwish. Setia Usaha Awang V. A. George. Penyimpan Wang - Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Utama Haji Mohamed Yusof.

Ahli2 Jawatan Kuasa - Doktor F. L. Mayor, Awang Mohammed Zain Ariff bin Haji Ahmed Ariff, Awangku Idriss bin Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed, Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri, Awang Abdul Aziz bin

Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar, Awang Abdi Manaf bin P. H. A. Bakar, Awang Charlie Keasbury, Awang Syed Ahmed Fadzullah, Awang Sharbini Taha dan Awang Sharani Mohamed.

Ahli2 Jawatan Kuasa Atas Nama Jawatan - Awang P. A. Coates (Pesuruh Jaya Pengakap Negeri Brunei), Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan (Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Brunei), Awang Shahbudin bin Saleh (Penulong Pesuruh Jaya Pengakap Bahagian Sekolah2 Melayu Daerah Brunei), Awangku Tajuddin bin Pengiran Ahmad (Pesuruh Jaya Penaja) dan Awang Yahya bin Mohamed Yusof (Pesuruh Jaya Latehan).

Pemeriksa2 Kira2 - Awang Ahmat W. Skinner dan Awang Alias bin Patrick Jupp.

Jawatan-Jawatan Kosong:

Penghantar Saman / Bailip Mahkamah

Pemohon2 ada-lah di-jemput daripada chalun2 yang menjadi ra'ayat Sultan atau siapa berhak untuk di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk memenohi jawatan kosong sebagai Penghantar Saman/Bailip Mahkamah di-Jabatan Kehakiman, Kuala Belait.

Kelayakan2: Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah VI dalam Sekolah Melayu dan Darjah IV dalam Sekolah Inggeris. Pemohon2 yang tidak mempunyai kelayakan2 yang tersebut, tetapi telah berkhidmat tidak kurang dari lima tahun di-dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pelayan atau Posman akan juga di-pertimbangkan.

Gaji: Dalam sukatan gaji \$183x7 - 211 - 220x10 - 260 - 280 - 290 - 300 sabulan.

Pemohonan2 yang mesti di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei mestilah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 10 April, 1965.

Pemohonan2 dari Pegawai Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2, siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Peon

Pemohon2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk memenohi jawatan Peon di-dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

Kelayakan: Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Darjah VII Sekolah Melayu.

Gaji: Dalam sukatan gaji F. 1 - 2 - 3 - 4 - 5 - 6 \$143x3 - 158 - 160 - 180x4 - 200.

Pemohonan2 mesti-lah di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 10 April, 1965.

Penolong Pegawai Perpustakaan

Pemohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan2 Penolong Pegawai Perpustakaan di-Jabatan Pelajaran, Brunei. Ada dua jawatan kosong, satu di-Maktab Anthony Abell, Seria, dan satu lagi di-STPRI, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah dari raayat Sultan Brunei dan mesti mempunyai pengetahuan bahasa Inggeris sekurang2-nya telah memasoki Form III dan pandai berbahasa Melayu termasuk tulisan Jawi.

Gaji:

Dalam tingkatan D(b) 2 - 3 - 4 - 5 \$211 - 220 x 10 - 260 - 280 - 290 x 20 - 330. Gaji permulaan akan di-tentukan mengikut kelayakan2 dan pengalaman pemohon.

Tugas2:

Chalun2 yang berjaya akan bertanggung-jawab kerana ke-lichinan susunan dan perjalanan Pustaka sekolah dan membuat lain2 kerja yang berkaitan dengan buku2 sebagaimana yang di-arahkan oleh Guru Besar.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 April, 1965.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

PERLUMBAAN RENTAS DESA SEKOLAH² MELAYU SA-NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Sermai 75 orang Wakil² dari Sekolah² Melayu Seluruh Negeri Brunei telah mengambil bahagian dalam Perlumbaan Rentas Desa di-Bandar Brunei pada petang 28 Mach, sa-jauh tiga batu.

Keputusan Perlumbaan Rentas Desa itu ada-lah seperti berikut:

Persaorangan: Bahagian "A" Pertama - Ibrahim bin Abdul Rahman dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei. Masa-nya ia-lah 20 minit 22.3 sa'at. Kedua - Awangku Ibrahim bin Pengiran Hashim dari Sekolah Melayu Muhammed Alam, Daerah Belait. Ketiga - Ahmad bin Nayan dari Sekolah Melayu Sengkuring, Bahagian Brunei Dua.

Persaorangan: Bahagian "B" Pertama - Dayang Md. Jair dari Sekolah Melayu Sungai Hanching, Bahagian Brunei Dua. Masa-nya ia-lah 18 minit 30.4 sa'at. Kedua - Abu Bakar bin Maksin dari Sekolah Melayu Burong Pingai, Berakas, Bahagian Brunei Dua. Ketiga - Mahad bin Safar dari Sekolah Melayu Pengkalan Batu, Bahagian Brunei Dua.

Pasokan: Bahagian "A". Pertama - Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei. Kedua - Sekolah Melayu Muhamad Alam, Daerah Belait dan Ketiga - Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Daerah Temburong.

Pasokan: Bahagian "B". Pertama - Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Daerah Temburong. Kedua - Sekolah Melayu

Burong Pingai, Berakas, Bahagian Brunei Dua dan Ketiga - Sekolah Melayu Birau, Daerah Tutong.

Pesuruh Jaya Buroh Negeri Brunei, Yang Mulia Pengiran Bahar ibni Almarhom Pengiran Shahbandar Anak Hashim telah menyampaikan hadiah² kepada pasokan² yang berjaya dalam Perlumbaan Rentas Desa itu.

Sa-belum di-adakan majlis menyampaikan hadiah², penuntut² Maktab Perguruan Melayu Brunei telah menunjukan permainan Gymnastik.

BAHAGIAN BRUNEI I

Seramai 42 orang peserta² dari Sekolah² Melayu Bahagian Brunei Satu telah mengambil bahagian dalam Perlumbaan Rentas Desa sa-jauh tiga batu di-Bandar Brunei pada petang 21 Mach, 1965.

Keputusan perlumbaan tersebut ada-lah seperti berikut:—

Bahagian Persaorangan: Pasokan "A" Pertama - Ibrahim bin Abdul Rahman dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam. Masa-nya ia-lah 20 minit, 39.9 sa'at. Kedua - Yusuf Yaakub dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Ketiga - Abu Bakar Timbang dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam juga.

Bahagian Persaorangan: Pasokan "B". Pertama - Md. Zain Ismail dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam. Masa-nya, 24 minit dan 8.2 sa'at. Kedua - Azahari Karim dari Sekolah Melayu Sungai Kebun dan Ketiga - Ismail Tengah

dari Sekolah Melayu Pintu Malim.

Bahagian Pasokan: Pasokan "A". Pertama - Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam. Kedua - Sekolah Melayu Pintu Malim dan Ketiga Sekolah Melayu Leila Menchanai.

Bahagian Pasokan. Pasokan "B". Pertama - Sekolah Melayu Pintu Malim. Kedua - Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Ketiga Sekolah Melayu Sungai Kebun.

Yang Mulia Pengiran Haji Metusin bin Pengiran Piut telah menyampaikan hadiah² kepada peserta² dan pasokan² yang berjaya dalam perlumbaan tersebut.

BAHAGIAN BRUNEI II

Seramai 179 orang dari 23 pasokan telah mengambil bahagian dalam Perlumbaan Rentas Desa sa-jauh tiga batu antara Sekolah² Melayu Bahagian Brunei Dua di-Bandar Brunei pada petang 18 Mach, 1965.

Lumba Lari Rentas Desa Anjoran P.B.B.B.

BANDAR BRUNEI. — Satu temasha Lumba Lari Rentas Desa anjoran Persatuan Belia Bandar Brunei akan di-adakan pada petang hari Sabtu 1 Mei, 1965.

Perlumbaan tersebut ada-lah terbuka kepada peserta² lelaki dan perempuan di-Negeri Brunei dan di-bahagikan kepada empat bahagian ia-itu:—

(a) **Bahagian Pasokan:** Terbuka kepada semua orang dewasa lelaki sahaja yang berumur 15 tahun ka-atas. Tiap2 pasokan mesti-lah mengandungi tidak kurang dari 6 orang. Peserta² yang tiada mempunyai atau mewakili persatuan, kelab atau lain-nya boleh-lah mengadakan 6 orang bagi satu pasokan. Bayaran masuk ia-lah \$5 bagi satu pasokan. Bayaran ini mesti-lah di-jelaskan bersama² dengan borang pendaftaran masuk. Peserta² yang mengambil bahagian di-dalam perlumbaan persaorangan di-bolehkan juga mengambil bahagian dalam pasokan, dengan syarat mereka membayar wang pendaftaran kedua²-nya itu.

(b) **Bahagian Dewasa ("Senior")** - Terbuka kepada semua orang dewasa lelaki yang berumur tidak kurang dari 15 tahun ka-atas. Bayaran masuk ia-lah \$1 dan wang ini mesti-lah di-bayar bersama² dengan penghantaran borang pendaftaran.

(c) **Bahagian Kanak² ("Junior")** - Terbuka kepada semua kanak² yang berumur tidak kurang dari 12 tahun dan tidak lebih dari 15 tahun. Bayaran masuk ia-lah \$1 dan wang pendaftaran itu mesti-lah di-jelaskan bersama² dengan borang pendaftaran.

(d) **Bahagian Wanita:** Terbuka kepada semua wanita yang berumur tidak kurang dari 12 tahun. Bayaran masuk ia-lah \$1 dan wang itu mesti-lah di-bayar bersama² dengan borang pendaftaran.

Peserta² yang hendak mengambil bahagian mesti-lah mengisi borang² pendaftaran yang boleh di-dapati dari wakil² persatuan tersebut dan hendak-lah hantar borang² itu tidak lewat dari 25 April, 1965 kepada:

(a) Awang Yahaya bin Mohd. Yusof d/a Pejabat Imigresen, Brunei. atau (b) Awangku Haji Mohammad d/a Pejabat Keenderaan Darat, Brunei, atau (c) Awang Syed Ahmad

Nadzir Sekolah² Melayu Bahagian Brunei Dua, Awang Mohamed Yusof Tahir telah menyampaikan hadiah² kepada pemenang² perlumbaan tersebut.

Keputusan-nya ada-lah seperti berikut:—

Bahagian Persaorangan: Pasokan "A". Pertama - Ahad bin Nayan dari Sekolah Melayu Sengkuring. Masa-nya 20 minit dan 29 sa'at. Kedua - Md. Noor bin Ibrahim dari Sekolah Melayu Delima I dan Ketiga Munap bin Gimbam dari Sekolah Melayu Putat.

Bahagian Persaorangan: Pasokan "B". Pertama - Awang Dayang bin Jair dari Sekolah Melayu Sungai Hanching. Masa-nya, 18 minit 43 sa'at. Kedua - Abu Bakar bin Maksin, dari Sekolah Melayu Burong Pingai, dan Ketiga - Mahad bin Safar Sekolah Melayu Pengkalan Batu.

Bahagian Pasokan: Pasokan "A": Pertama - Sekolah Melayu Delima Satu. Kedua - Sekolah Melayu Pengkalan Batu dan Ketiga - Sekolah Melayu Sengkuring.

Bahagian Pasokan: Pasokan "B". Pertama - Sekolah Melayu Burong Pingai. Kedua - Sekolah Melayu Kasat dan Ketiga - Sekolah Melayu Sungai Besar.

Fadzullah Ali d/a Pejabat Setia Usaha Kerajaan Brunei atau (d) Sheila Janardanan d/a Sekolah Saint George, Brunei atau (e) Kapada Yap Kim Lai d/a Pejabat Perubatan, Brunei.

Sokan Sekolah Melayu Sengkuring

SENGKURONG. — Sekolah Melayu Sengkuring telah mengadakan satu temasha sokan sa-bagai satu daripada acara² sambutan Minggu Pelajaran sekolah itu, bertempat di-padang Sekolah Melayu Sengkuring pada petang 4 April.

Achara itu di-mulai dengan mengadakan Barisan Kehormatan.

Penghulu Mukim Sengkuring, Yang Mulia Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman bin Haji Tamit, yang juga menjadi Yang Dipertua Sambutan Minggu Pelajaran Sekolah Melayu Sengkuring dan Guru Besar Sekolah itu Chegu Awang Masri bin Dato Haji Mohamed Yusof telah menerima Tabek Kehormatan.

Sa-belum sokan itu di-mulai satu Senaman Ramai telah di-adakan di-bawah pimpinan Ketua Sokan, Chegu Awang Abdul Kani bin Mohamed Said.

Yang Mulia Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman telah menyampaikan hadiah² kepada peserta² yang berjaya.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa murid² yang berjaya di-temasha sokan tersebut akan di-pilih mewakili Sekolah Melayu Sengkuring di-temasha Sokan Sekolah² Melayu Bahagian Brunei Dua yang letak-nya di-Jalan Tutong, bertempat di-padang Sekolah Melayu Sengkuring pada 25 April.



Pesuruh Jaya Buroh Negeri Brunei, Yang Mulia Pengiran Bahar ibni Almarhom Pengiran Shahbandar Anak Hashim kelihatan dalam gambar ini menyampaikan hadiah kepada Awang Dayang bin Md. Jair di-temasha Perlumbaan Rentas Desa Sekolah² Melayu Sa-Negeri Brunei pada petang 28 Mach, 1965. Awang Dayang, sa-orang murid dari Sekolah Melayu Sungai Hanching, Bahagian Brunei Dua telah menjadi Johan dalam Perlumbaan Persaorangan Bahagian "B" di-temasha sokan tersebut.

Upachara Mengangkat Sumpah Ahli2 M.M.D.

TUTONG.—Satu upacara mengangkat sumpah Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah Tutong telah di-adakan di-Dewan Majlis Mashuarat Daerah Tutong pada hari Sabtu 3 April, 1965.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Johari bin Abdul Razak yang menjadi Pengerusi Majlis Mashuarat Daerah Tutong telah mula mengangkat sumpah.

Kemudian di-turuti oleh 12 orang Ahli2 yang di-pilih dan 2 orang Ahli2 yang di-lantek oleh Kerajaan.

Ahli2 yang di-lantek oleh Kerajaan ia-lah Awang Mohamed Daud bin Serudin dan Awang Ahmad bin Haji Ismail.

Sa-lepas itu Awang Johari telah melafadzkan satu ucapan yang berharga.

Sementara itu Pegawai Daerah Tutong, Awang Johari bin Abdul Razak berkata dalam satu pertemuan dengan beliau pada hari tersebut bahawa Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim akan merasmikan pembukaan Majlis Mashuarat Daerah Tutong, pada pagi hari Isnin 19 April, 1965.

Majlis itu, kata beliau akan di-adakan di-Asrama Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendera, Tutong pada pukul 8.45 pagi hari tersebut.

Pasar Gembira

BANDAR BRUNEI.— Pegawai Kebajikan Masyarakat Negara, Brunei Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri telah merasmikan pembukaan Pasar Gembira anjoran Kesatuan Pemuda-Pemudi Kampong Sungai Kedayan Brunei dan Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah2 Uga-ma Brunei, pada petang 28 Mach, 1965.

Pasar Gembira itu telah di-adakan di-tanah lapang berham-piran Panggong Boon Pang, Bandar Brunei mulai pada malam 28 Mach selama empat malam.

Tujuan di-adakan Pasar Gembira itu ia-lah untuk mengutip derma bagi menghantarkan 10 orang Wakil2 dari Persatuan2 tersebut ka-Seminar Belia2 Sa-Malaya yang akan di-adakan di-Negeri Kelantan dalam bulan ini.

Pertandingan "Talentine":

DAYANGKU MARIAM DAPAT DUA GELARAN

BANDAR BRUNEI.— Dayangku Mariam binti Pengiran Haji Metusin telah berjaya di-pilih menjadi Johan dalam pertandingan "Talentine" Bahagian Nyanyian Bersendirian dan Nyanyian Ramai yang telah di-adakan di-bawah anjoran Pertubuhan JAYCEE, Bandar Brunei di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada malam 4 April, 1965.

Tujuan di-adakan temasha tersebut ia-lah untuk memilih wakil2 dari Bandar Brunei untuk memasuki Pertandingan Akhir "Talentine" Kejohanan Sa-Negeri Brunei yang akan di-adakan di-Bandar Brunei dalam bulan ini.

Hasil dari kutipan jualan tiket yang di-perolehi di-temasha tersebut akan di-dermakan kepada

Tabong Derma pertubuhan Jaycee tempatan.

Yang Dipertua Pertubuhan Jaycee Sa-Negeri Brunei, Awang Ong Kim Kee telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 dan Pasokan2 Pancharagam yang berjaya di-temasha tersebut.

Keputusan penoh Pertandingan "Talentine" itu ada-lah seperti berikut:

Nyanyian Bersendirian: 1. Dayangku Mariam binti Pengiran Haji Metusin. 2. Mohamed Noeh Abdul Hamid. 3. Awangku Mohamed P. D. 4. Azmain Kamar Arifin. 5. Awangku Tajuddin Pengiran Manggong dan 6. A. B. Mohamed Ariff.

Nyanyian Ramai: 1. Dayangku Mariam binti Pengiran Haji Metusin dan kawan2-nya. 2. Azmain Kamar Arifin dan kawan2-nya. 3. Awangku Muhammad P. D. dan kawan2-nya.

Bahagian Bunyian Sekawan: Johan - The Devils. Naib Johan - The Hunters dan Pemenang Ketiga - Tuber Roses.

Penyanyi2 dan Pancharagam2 tersebut akan mewakili Daerah Brunei dalam Pertandingan "Talentine" Sa-Negeri Brunei.

Penuntut2 Kolej Islam Balek Belajar Sa-Lepas Berchuti Di-Brunei

BERAKAS.—Seramai 12 orang penuntut2 Brunei yang belajar di-Kolej Islam Malaya telah berlepas dengan kapal terbang ka-Singapura pada petang 1 April, 1965 sa-lepas berchuti di-Tanah Ayer selama empat bulan.

Tiga orang lagi penuntut2 Brunei yang lulus dari Sekolah Arab Al-Junied, Singapura dan di-pilih untuk melanjutkan pelajaran mereka di-Kolej Islam Malaya telah berangkat bersama2 dengan penuntut2 Kolej Islam dari Brunei ka-Klang.

Waktu2 Baharu Pemancharan dan Siaran Ranchangan Radio Brunei

BANDAR BRUNEI.— Waktu pemancharan dan siaran ranchangan Radio Brunei bagi tengah hari dan malam di-Bahagian Perkhidmatan Tentera, China, Melayu dan Inggeris telah di-ubah mulai pada 4 April, 1965.

Waktu baharu bagi pembukaan dan penutupan penyiaran dan gelombang meter bagi ranchangan2 dalam berbagai2 perkhidmatan ada-lah seperti berikut:

Perkhidmatan Bahagian Tentera: Dari pukul 3.45 petang hingga ka-5.30 petang pada 335 dan 61 meter.

Perkhidmatan Bahagian China: Dari 5.30 petang hingga ka-7 malam pada 335 dan 61 meter.

Perkhidmatan Bahagian Melayu: Dari pukul 6.30 petang hingga ka-pukul 7 malam pada 309 dan 242 meter dan dari pukul 7 malam hingga ka-9 malam pada 309, 242 dan 61 meter. Dari pukul 9 malam hingga ka-10.30 malam pula pada 309 dan 242 meter.

Perkhidmatan Bahagian Inggeris: Dari pukul 9 malam hingga ka-pukul 10.30 malam pada 335 dan 61 meter.

Waktu penyiaran dan gelombang meter bagi ranchangan pagi, tetap tidak berubah.

Ranchangan2 tersebut boleh di-dengar pada 309 dan 242 meter.

Wakil2 Brunei Menghadhiri Persidangan E.C.A.F.E.

WELLINGTON.— Tiga orang Wakil2 Kerajaan Brunei telah tiba di-Wellington, New Zealand baharu2 ini untuk menghadiri Persidangan Surohan Jaya Per-ekonomian bagi Asia dan Timor Jauh (ECAFE).

Mereka ia-lah Pena-sehat Ekonomi Pertubuhan Bangsa2 Bersatu ka-pada Kerajaan Brunei, Doktor J. S. Gould; Pengawal Kastam dan Bea Negeri Brunei, Awang Othman Chua Kwang Soon dan Awang Abdul Aziz bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

200 Orang Penuntut2 Masok Pepereksaan Ka-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkihah

BANDAR BRUNEI.—Seramai 200 orang penuntut2 telah memasuki Pepereksaan ka-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkihah, Brunei di-Daerah2 Brunei, Tutong, Belait dan Temburong pada hari Sabtu 3 April.

Menurut penerangan sa-orang Juruchakap Pejabat Pelajaran Ugama, Brunei, seramai 50 orang dari penuntut2 yang telah memasuki pepereksaan tersebut, akan di-pilih sa-bagai persediaan untuk belajar di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkihah, Brunei.



Beberapa orang Pegawai2 dan anggota2 Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan, Brunei telah melawat ka-Padang Minyak Seria, atas jemputan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad baharu2 ini. Gambar ini di-ambil semasa lawatan tersebut. Gambar kiriman Awang Ali b. Haji Bakar.